

BAB DUA

PEMBENTUKAN TAMADUN JEPUN

2.1 Pengenalan

Jepun sepetimana yang dilihat oleh masyarakat antarabangsa hari ini adalah sebuah negara yang hebat dari sudut ketamadunannya. Keunikian peradabannya yang tidak terdapat pada peradaban lain menjadikan ia suatu yang menarik untuk dikaji terutama dalam membentuk masyarakat Jepun yang ada pada hari ini.¹ Jaringan pembentukan dan pemantapan tamadun Jepun dapat dikenalpasti bermula dari sejarah awal Jepun iaitu zaman Jomon (1800-399 S.M) sehingga zaman pemerintahan Tokugawa (1603-1867). Selepas itu era moden mula bertapak dengan wujudnya pemerintahan Meiji (1868-1912).

Kajian terhadap kehidupan dan tamadun di zaman Jomon sehingga ke zaman Tokugawa merupakan aspek penting dalam sejarah Jepun khususnya dalam menilai sejarah awal pembentukan negara tersebut yang seterusnya membawa kepada peringkat perkembangan.

¹ Masyarakat Jepun pada hari ini, walaupun kehidupan moden mereka setanding Barat namun jati diri , budaya dan tradisi mereka masih kekal dan ini membentuk sikap peribadi orang Jepun yang kental dalam memperolehi kejayaan dan kemajuan. Ini adalah mengapa peradaban Jepun begitu berbeza daripada peradaban lain yang begitu berkolarasi dengan budaya dan peradaban lain malah dengan senang menyesuaikannya.

Untuk melihat pembentukan tamadun Jepun, dalam bab ini dibentangkan rentetan sejarah utama yang membentuk kehidupan atau suasana tersendiri masyarakat Jepun yang berlaku ketika itu. Antara aspek yang diberi perhatian ialah sejarah awal Jepun, keturunan dan kehidupan tradisi orang Jepun. Sebelum penjelasan aspek-aspek berkenaan dibuat, terlebih dahulu diterangkan keadaan atau kedudukan geografi Jepun serta penduduknya hari ini.

Jepun merupakan negara gugusan kepulauan yang terdiri daripada empat buah pulau utama iaitu Honshu, Hokkaido, Kyushu dan Shikoku. Selain itu terdapat kira-kira 3,900 buah pulau kecil yang lain di persekitarannya.² Honshu adalah pulau yang terbesar, didiami oleh 80 peratus daripada penduduk Jepun. Bandar-bandar besar seperti Tokyo, Osaka, Kyoto, Nagoya dan Yokohama terletak di pulau ini.

Kawasan pergunungan meliputi 4/5 daripada negara Jepun, sementara selebihnya adalah dataran lanar. Kawasan dataran seperti Kanto (terletak di Teluk Tokyo), Kinai (di Teluk Osaka) dan Teluk Ise mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi.

² M. Rajendran, *Sejarah Jepun*, (Kuala Lumpur: Arenabuku Sdn Bhd, 1988), hlm. 2

Dari segi jumlah penduduk, secara keseluruhan tidak dinasikan Jepun merupakan sebuah negara yang besar. Pada tahun 2002, populasi penduduk Jepun adalah seramai 127.4 juta iaitu 3.4% daripada jumlah penduduk Asia dan 2% daripada jumlah penduduk dunia. Jepun menduduki tangga kesepuluh jumlah populasi penduduk terbesar di dunia selepas negara Nigeria. Secara puratanya Jepun memiliki penduduk seramai 340 orang setiap 1 kilometer. Terdapat 7 kawasan yang memiliki populasi penduduk 1,000 orang setiap 1 kilometer iaitu Tokyo, Osaka, Kanagawa, Saitama, Aichi, Chiba dan Fukuoka. 7 kawasan ini membentuk 43% daripada keseluruhan penduduk Jepun.³ (**Lihat Peta II**)

Jumlah penduduk yang ramai terus kekal walaupun keadaan muka bumiunya adalah bergunung ganang dengan kemuncak gunung Fuji yang berketinggian 12,389 kaki. Walaupun hanya 1/5 daripada tanahnya sesuai untuk pertanian, Jepun dengan teknologinya berjaya menggabungkan sistem penanaman padi insentif dan sistem pengairan yang efektif menjadikan Jepun sebagai sebuah negara yang begitu produktif dalam penggunaan tanah untuk penanaman di dunia.

³ *Asia Pasific: Japan Perspective*, Vol. 1 No.3, Oct 2003, hlm.60.

2.2 Keturunan Orang Jepun

Seringkali dilihat di kaca televisyen berkenaan dengan Maharaja dan Maharani Jepun, seperti majlis menyambut kelahiran, upacara perkahwinan, pengkebumian dan banyak lagi upacara yang membabitkan keturunan Diraja. Maharaja Jepun adalah simbol Ketua Negara dan mereka ini dianggap berketurunan dewi Matahari. Dari mana datangnya mitos-mitos ini ada hubungkaitnya dengan lagenda asal-usul bangsa Jepun itu sendiri.

Menurut lagenda, dipercayai bahawa negara Jepun lahir daripada jasa atau kuasa para dewa. Bermula daripada tiada apa-apa sehinggalah ia wujud dan tegak serta menjadi negara Jepun, kawasan yang begitu kukuh dan didiami oleh penduduk manusia. Jepun telah dikatakan lahir dari kuasa 2 dewa yang mereka kenali sebagai Izanagi dan Izanami. Kedua-dua dewa ini berada di kayangan. Kedua-dua dewa ini dikatakan telah turun ke bumi dan membasuh muka di satu kawasan dan merasakan kawasan tersebut sesuai untuk dijadikan sebuah negara atau penempatan lalu mereka telah mencacakkan tombak mereka di kawasan tersebut dan titisan air telah memancut dari mata tombak yang dicucukkan itu dan membentuk pulau-pulau. Pulau-pulau inilah yang telah dijadikan negara Jepun.⁴

⁴ Richard Storry, *Sejarah Jepun Modern*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1967), hlm.4-5

Kedua-dua dewa ini mempunyai 3 orang anak, namun mengikut lagenda hanya dua orang anak mereka sahaja yang memainkan peranan utama di dalam penubuhan negara Jepun iaitu Amaterasu (Dewi Matahari)⁵ dan Susa-No-Wo (Dewa Ribut Taufan). Perkahwinan yang telah berlaku di kalangan kedua-dua dewa ini telah melahirkan pertambahan bilangan pulau-pulau di Jepun. Dalam hal ini, Dewi Amaterasu amat dihormati kerana banyak menyumbangkan khidmat kepada dewa lantaran peranannya sebagai pemberi cahaya kepada dewa.

Lantaran daripada itulah, Izanagi dan Izanami telah bersetuju untuk meletakkan Amaterasu sebagai pemerintah di kayangan manakala Susa-No-Wo pula akan menjadi pemerintah di bumi. Namun begitu Susa-No-Wo merasakan ini satu keputusan yang menyebelahi Amaterasu dan tidak bersetuju untuk diletakkan sebagai pemerintah di bumi. Dalam menyatakan keengganannya, Susa-No-Wo telah mengamuk dan Amaterasu telah menjadi takut dengan keadaan ini lalu bersembunyi di dalam sebuah gua. Oleh kerana itu, dunia telah menjadi gelap gelita lantaran tiadanya sinaran matahari. Keadaan ini telah menimbulkan rasa susah hati di kalangan dewa-dewa yang lain lalu bermesyuarat untuk mengeluarkan Amaterasu semula.

⁵ Keturunan Maharaja Jepun kini masih dianggap sebagai keturunan Dewi Matahari.

Usaha-usaha telah dilakukan di mana mereka mendirikan sepohon pokok besar dan di atas pokok tersebut diletakkan cermin dan permata berbentuk melengkong serta pedang yang dihadiahkan oleh Susa-No-Wo yang diperolehinya sewaktu mengalahkan lapan ekor naga. Persembahan tarian dan gendang telah diadakan untuk menarik perhatian Amaterasu dan usaha ini menampakkan hasilnya setelah Amaterasu keluar untuk melihat apa yang sedang berlaku. Salah seorang dewa telah berjaya menangkap Amaterasu dan menariknya keluar ke dunia nyata lalu dunia kembali terang.

Selain daripada lagenda Amaterasu, terdapat banyak lagi pendapat yang menyatakan asal-usul orang Jepun ini. Antaranya mengatakan bahawa orang Jepun berasal daripada keturunan Monggoloid. Keadaan ini adalah didasarkan kepada keadaan fizikal orang Jepun yang bertubuh pendek, sasa, bulat, bermata sepet, serta mempunyai rambut yang lurus. Manakala kanak-kanak yang baru lahir dikesan mempunyai tanda berwarna biru kehijauan di bahagian tulang belakang dan punggung.⁶ Pendapat kedua pula mengatakan bahawa orang Jepun adalah berasal daripada keturunan Kaukasus (kawasan pergunungan Eropah, Russia dan Siberia). Ia merupakan satu kawasan yang mempunyai kadar kesejukan yang agak tinggi.

⁶ M.Rajendran, *Sejarah Jepun*, op.cit, hlm. 2-3

Keadaan ini adalah berlandaskan kepada keadaan fizikal mereka yang bertubuh besar, mempunyai bulu romang lebat dan mereka dikatakan daripada keturunan Ainu yang merupakan golongan minoriti di Jepun. Mereka mempunyai hidung yang mancung, bertubuh tegap dan gagah, badan yang tinggi dan mereka merupakan penyebar tamadun awal Jepun. Pada masa sekarang, mereka tinggal di bahagian utara pulau Hokkaido, namun menjelang penghujung abad ke-20, orang-rang Ainu didapati semakin berkurangan.⁷

Terdapat satu lagi pendapat yang mengatakan bahawa orang Jepun adalah berasal daripada golongan dari Nusantara dan Indo-China.⁸ Kenyataan ini adalah berdasarkan kepada kulit mereka yang sawo matang dan mempunyai rambut ikal, selain bersandarkan kepada penggunaan bahasa yang banyak persamaan dengan bahasa Nusantara. Namun kenyataan ini tidak mendapat banyak sokongan daripada pengkaji.

⁷ Edwin O. Reischauer, *Japan, Past And Present*, (Tokyo: Charles E. tuttle Co. Inc., 1964), hlm. 9-11

⁸ M. Rajendran, *op.cit*, hlm. 2-3

Kesimpulannya, bagaimana bangsa Jepun itu datang ke negara berkenaan dan dari mana datangnya mereka masih menjadi misteri. Para cerdik pandai dalam bidang antropologi dan perbandingan linguistik telah pergi ke serata ceruk rantau untuk mengkaji bangsa atau kaum yang menggunakan peralatan yang sama dengan orang Jepun atau dari segi bahasa yang ada persamaannya. Para penyelidik ini selalunya menerima hasil yang tidak konklusif tetapi yang jelas, rata-rata berpendapat bangsa Jepun terbentuk hasil daripada imigrasi bangsa dari benua Asia yang berpindah randah beribu-ribu tahun dulu.⁹

2.3 Sejarah Awal Jepun

Pada peringkat awal kewujudan negara Jepun keadaannya tidaklah sebagaimana hari ini. Zaman awal Jepun lebih dikenali sebagai zaman Jomon, sempena nama tanah liat yang banyak kegunaannya seperti untuk menghasilkan alat-alatan kegunaan seharian masyarakat Jomon seperti tembikar, sudu, periuk dan sebagainya. Bukti ini cukup nyata dengan penemuan barang-barang tersebut oleh ahli-ahli arkeologi yang dipercayai menjadi barang kegunaan mereka pada zaman tersebut. (**Lihat lampiran 1**)

⁹ Edwin O Reischauer dan Albert M. Craig, *Japan Tradition and Transformation*, (Boston: Houghton Mifflin Co 1978), hlm. 330.

Pada zaman Jomon ini, mereka boleh dikatakan hidup dalam keadaan yang tidak bertamadun. Ramai di kalangan ahli-ahli sejarah mengatakan zaman Jomon adalah satu zaman manusia hidup dalam keadaan diam dan tidak mempunyai struktur hidup yang sempurna. Lantaran daripada itulah dapat dikatakan bahawa zaman Jomon merupakan zaman awal kewujudan manusia di Jepun. Kehidupan mereka adalah berlandaskan kepada keinginan dan kehendak semata-mata tanpa mempunyai apa-apa ikatan yang kukuh. Oleh itu, mereka dilihat hidup dalam keadaan bagi memenuhi kehidupan semata-mata. Walaupun begitu, masyarakat Jomon adalah perintis awal kepada kesinambungan masyarakat Jepun seterusnya.

2.3.1 Aspek Politik

Institusi politik yang wujud pada peringkat awal sebenarnya tidak dapat dicirikan dengan jelas. Oleh yang demikian, sebarang sejarah institusi politik Jepun haruslah bermula dengan zaman Yayoi (iaitu zaman bermulanya kemasukan pengaruh awal China) yang menyusul kemudiannya. Aspek politik dalam masyarakat zaman Yayoi ini tidaklah begitu sistematik. Namun begitu mereka masih mampu untuk mentadbir sebuah negara dan struktur politik mereka adalah berdasarkan kepada sistem Uji¹⁰.

¹⁰ Uji membawa maksud kumpulan atau klan. Setiap Uji ada ketuanya dan ketua Uji ini dikenali sebagai Uji-No-Kami. Di bawah Ketua Uji ada sub-sub ketua Uji. Maharaja yang menetapkan tugas dan tanggungjawab setiap Ketua Uji untuk menyusun jabatan mereka iaitu sekumpulan orang yang diberi tugas bersifat keturunan untuk memberi perkhidmatan kepada Maharaja Jepun dan di istana. Lihat Ryosuke Ishii, (terj.) Abdullah Majid, *Sejarah Institusi Politik Di Negeri Jepun*,(Kuala Lumpur: Yayasan Penataran Ilmu, 1993), hlm. 16.

Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa politik pada zaman awal ini berlandaskan kepada puak semata-mata. Lantaran daripada itulah mana-mana puak yang kuat akan berkuasa dan mengawal serta mentadbir puak-puak yang lain. Dalam hal ini, puak atau kumpulan Yamato telah berjaya menunjukkan keunggulan daripada puak-puak (uji) yang lain dan pada pertengahan abad ke-4M, kekuasaan Yamato telah meluas hampir ke seluruh Jepun, kecuali di beberapa daerah di Kyushu.¹¹ Oleh kerana ketua puak Yamato dianggap berketurunan Dewi Matahari (Amaterasu), maka pemujaan Dewi Matahari ini menjadi upacara penyembahan yang ulung di negara ini. Dengan kata lain, pemerintah Yamato adalah merupakan pemimpin awal dalam politik Jepun.

Secara teori, masyarakat Kuno diperintah oleh dewa-dewa, tetapi dewa-dewa ini tidak memerintah secara langsung. Kekuasaan mereka ini diwakilkan kepada manusia tertentu. Semangat dewa-dewa itu memasuki tubuh badan manusia dan mereka yang dirasuk dengan semangat tadi pula akan menyampaikan kehendak-kehendak mereka atau dewa-dewa(tuhan) itu dengan kata-kata dan bentuk pengucapan mereka. Orang yang terpilih ini mempunyai kuasa mutlak ke atas anggota-anggota Uji dan hamba abdi mereka.

¹¹ Ryosuke Ishii, *Sejarah Institusi Politik Di Negeri Jepun*, hlm. 6

Pada peringkat awal, masyarakat Jepun ditadbir oleh Ratu Himiko dari negeri Yamatai.¹² Pemerintahan seorang wanita bukanlah suatu yang luar biasa dalam zaman awal politik Jepun. Ini memandangkan Amaterasu-Omikami yang dikatakan mewarisi kekeluargaan diraja Jepun adalah seorang Dewi. Semasa pemerintahannya, Ratu Himiko sentiasa mengasingkan diri di biliknya di dalam istana dan hanya sebilangan kecil pembesar yang dibenarkan mengadapnya. Dengan kata lain, pemerintahan ditadbir oleh orang lain. Hal ini memulakan satu amalan contoh yang kemudiannya menjadi punca tradisi bahawa maharaja Jepun secara peribadi tidak mengendalikan pemerintahan negara.¹³

2.3.2 Aspek Ekonomi

Jika dilihat dari aspek ekonomi, masyarakat pada zaman Jomon masih belum mempunyai aktiviti-aktiviti ekonomi yang benar-benar menjamin atau membuktikan mereka telah mula terlibat dalam bidang berkenaan dengan secara jelas. Ini kerana mereka masih belum mempunyai satu sistem yang khusus dan dapat diklasifikasikan sebagai kegiatan ekonomi sebagaimana pada zaman kini.

12 Pemerintahan seorang wanita bukanlah suatu yang luar biasa dalam zaman awal politik Jepun. Ini memandangkan Amaterasu-Omikami yang dikatakan mewarisi kekeluargaan diraja Jepun adalah seorang Dewi.

13 Ryosuke Ishii, *Sejarah Institusi Politik Di Negeri Jepun*, hlm. 7.

Masyarakat Jomon merupakan satu masyarakat yang bergantung sepenuhnya kepada sumber alam semulajadi. Kegiatan utama mereka ialah berburu binatang di hutan. Hasil perburuan merupakan bahan makanan utama mereka. Dalam keadaan ini mereka telah menggunakan alatan atau senjata perburuan daripada batu yang ditajamkan hujungnya dengan tempat untuk dipegang. Malahan anak panah turut dihasilkan dan diperbuat daripada batu.¹⁴

Hasil makanan daripada hutan seperti buah oak, ‘acorns’ dan kacang merupakan bahan makanan utama mereka. Buktinya cukup nyata apabila di kalangan ahli arkeologi telah menjumpai longgokan kulit kekacang di kawasan penempatan mereka. Oleh itu, dapat dilihat corak hidup mereka terlalu mudah dan semata-mata bergantung kepada hasil hutan sebagai sumber makanan.

Aktiviti penangkapan ikan turut merupakan kegiatan ekonomi penting mereka. Lantaran penempatan mereka biasanya dibina berhampiran kawasan laut, penangkapan dan pencarian hasil-hasil laut telah menjadi kegiatan utama untuk dijadikan sebagai sumber makanan.¹⁵

14. John K Fairbank, *op.cit*, hlm. 327.

15. Keadaan ini telah dibuktikan dengan terjumpanya longgokan tulang-tulang ikan salmon, ‘bream’ dan ‘sea bass’ oleh ahli arkeologi.

Kulit kekerang turut dijumpai dalam longgokan yang begitu banyak dan dikhaskan pada satu tempat yang dikenali sebagai ‘Kai Duka’. Longgokan ikan dan kekerang itu sudah cukup untuk menunjukkan betapa kuatnya pergantungan hidup mereka terhadap sumber alam.¹⁶ Daripada kajian yang telah dilakukan oleh ahli-ahli sejarah, tiada bukti jelas yang menunjukkan penanaman atau pertanian menjadi kegiatan ekonomi utama mereka. Ini kerana masyarakat pada zaman awal ini masih lagi belum mengetahui tentang pertanian dan bercucuk tanam. Mereka hanya menjalankan aktiviti penanaman seperti keladi dan lain-lain tanaman berubi sahaja. Penanaman padi pula hanya berlaku pada zaman selepas ini yang dikenali sebagai zaman Yayoi.

Pada zaman awal ini juga, tidak memungkinkan mereka untuk mempunyai satu sistem kewangan atau perniagaan yang khusus dalam urusan kehidupan mereka terutamanya dari segi mendapatkan bahan makanan atau lain-lain. Kenyataan ini adalah berdasarkan kepada kegiatan ekonomi mereka yang lebih tertumpu kepada pengutipan hasil hutan, perburuan, pencarian hasil laut dan sebagainya. Dan ini memungkinkan mereka diklasifikasikan sebagai satu masyarakat yang tidak mempunyai tamadun yang jelas.

¹⁶ Malah ia turut mencerminkan bahawa masyarakat pada zaman awal Jepun telah mempunyai tabiat hidup sukaan kepada kebersihan kerana bahan buangan daripada pemakanan mereka dilonggokkan hanya pada satu-satu kawasan sahaja.

Kulit kekerang turut dijumpai dalam longgokan yang begitu banyak dan dikhaskan pada satu tempat yang dikenali sebagai ‘Kai Duka’. Longgokan ikan dan kekerang itu sudah cukup untuk menunjukkan betapa kuatnya pergantungan hidup mereka terhadap sumber alam.¹⁶ Daripada kajian yang telah dilakukan oleh ahli-ahli sejarah, tiada bukti jelas yang menunjukkan penanaman atau pertanian menjadi kegiatan ekonomi utama mereka. Ini kerana masyarakat pada zaman awal ini masih lagi belum mengetahui tentang pertanian dan bercucuk tanam. Mereka hanya menjalankan aktiviti penanaman seperti keladi dan lain-lain tanaman berubi sahaja. Penanaman padi pula hanya berlaku pada zaman selepas ini yang dikenali sebagai zaman Yayoi.

Pada zaman awal ini juga, tidak memungkinkan mereka untuk mempunyai satu sistem kewangan atau perniagaan yang khusus dalam urusan kehidupan mereka terutamanya dari segi mendapatkan bahan makanan atau lain-lain. Kenyataan ini adalah berdasarkan kepada kegiatan ekonomi mereka yang lebih tertumpu kepada pengutipan hasil hutan, perburuan, pencarian hasil laut dan sebagainya. Dan ini memungkinkan mereka diklasifikasikan sebagai satu masyarakat yang tidak mempunyai tamadun yang jelas.

¹⁶ Malah ia turut mencerminkan bahawa masyarakat pada zaman awal Jepun telah mempunyai tabiat hidup sukakan kepada kebersihan kerana bahan buangan daripada pemakanan mereka dilonggokkan hanya pada satu-satu kawasan sahaja.

2.3.3 Aspek Sosial

Jika diteliti aspek sosial masyarakat Jomon ternyata mereka telah mencapai banyak kemajuan yang boleh dibanggakan. Dari aspek kesenian pula, masyarakat Jomon telah menghasilkan ukiran-ukiran cantik dan tersusun pada tembikar yang dibuat daripada tanah liat. Antara lain, mereka telah mampu menghasilkan tembikar yang mempunyai corak tali dengan kemahiran yang ada.¹⁷

Selain itu, masyarakat awal Jepun ini turut mempunyai kemahiran di dalam seni anyaman di mana ahli arkeologi telah menemui bakul-bakul yang dianyam dan dipercayai digunakan oleh mereka untuk membawa makanan dan peralatan apabila mereka keluar untuk menjalankan kerja ataupun berburu. Orang-orang Jomon juga menghasilkan pakaian mereka sendiri yang diperbuat daripada kulit binatang, kulit kayu dan jerami.

¹⁷ Ia dilakukan sewaktu tembikar masih basah dan tali akan ditekukkan ke atas tembikar tersebut. Kenyataan ini telah banyak mendapat sokongan daripada pengkaji dan menurut mereka, Jomon itu sendiri telah membawa maksud ‘corak tali’. Keadaan ini telah menunjukkan kepada kita bahawa pada zaman Jomon mereka telah mempunyai satu pemikiran untuk menghasilkan sesuatu yang terbaik dan cantik pada pandangan mata. Oleh itu, masyarakat awal ini sebenarnya telah mempunyai daya kreativiti yang cukup tinggi dan melepas zaman mereka.

Walaupun begitu masyarakat Jomon masih lagi belum mempunyai kepakaran di dalam ilmu membuat logam. Mereka hanya mampu mengukir dan menghasilkan peralatan daripada batu. Antaranya, alat-alat memotong seperti pisau, kapak dan mata anak panah yang tajam telah berjaya dihasilkan daripada batu keras. Semua peralatan yang dibuat, adalah untuk kegunaan sewaktu mereka berburu binatang di hutan. Sehubungan dengan itulah para pengkaji telah menggelarkan masyarakat Jomon sebagai masyarakat zaman batu baru.¹⁸

Kemahiran masyarakat ini dalam seni ukir diperlihatkan daripada kemampuan mereka mencipta patung yang dipanggil “Dogu” yang berupa separuh manusia dan separuh haiwan. Ini melambangkan kepercayaan mitos dan kuasa magik primitif.¹⁹ Terdapat juga Dogu yang anggota badannya sengaja dicabut dan berkemungkinan digunakan untuk rawatan kaki atau tangan. Namun perkara yang paling menarik ialah patung wanita banyak terdapat pada zaman Jomon. Ia melambangkan besarnya peranan wanita dalam masyarakat Jomon.²⁰

18 Hasil kajian telah menunjukkan zaman batu baru ini telah berlanjutan selama 8 ribu tahun dan ia dikatakan tamat menjelang kurun ke-4 atau ke-3 sebelum masih iaitu setelah bermulanya zaman logam dan penanaman padi secara insentif.

19 Perkara yang menarik ialah bentuk patung Dogu yang kebanyakannya adalah wanita yang terdedah dada dan perutnya hamil. Ini melambangkan minat yang tinggi terhadap seks dan kehamilan dan penggunaannya untuk tujuan upacara keagamaan, proses kehamilan dan perlindungan daripada penyakit dan kematian.

20 Mereka merupakan Shaman atau bomoh atau orang perantaraan dengan Tuhan. Mereka mengetahui upacara keagamaan dan mengubati penyakit masyarakatnya. Malah wanita juga menjadi hakim atau ketua kampung yang dirujuk untuk menyelesaikan masalah dan sebarang pertikaian. Pemujaan kaum wanita wujud kerana mereka melihat perbezaan fizikal yang ketara pada kaum wanita dan kebolehannya mengandung dan melahirkan anak.

Masyarakat awal ini boleh dikatakan tidak mempunyai satu kepercayaan atau pegangan agama yang khusus. Keadaan ini disebabkan oleh cara hidup mereka yang begitu mudah dan ringkas. Kehidupan mereka tidak berlandaskan kepada satu prinsip hidup yang mampu membentuk keperibadian mereka sendiri. Namun dipercayai mereka menganut fahaman Shinto²¹ iaitu satu kepercayaan kepada Tuhan atau kuasa suci yang terdapat pada alam sekeliling. Ia merupakan satu kepercayaan animisme sesuai dengan kedudukan dan persekitaran yang mereka alami. Selain itu, peranan Shaman juga ketara dalam urusan kematian.

Shaman diminta untuk membacakan mentera agar mayat yang akan dikebumikan tidak akan bangun kembali. Tarian turut diadakan bagi menghalau syaitan agar tidak dapat menguasai mayat tersebut. Justeru, ini adalah titik permulaan kepercayaan dan institusi keagamaan pada zaman awal Jepun. Namun begitu ia tidak begitu mendapat tempat sebagaimana kepercayaan dan keagamaan selepas daripada zaman tersebut.²²

²¹ Perkataan Shinto dalam bahasa China adalah ‘Shen Tao’ yang dijumpai oleh I Ching yang bermaksud “Considering the divine way of heaven”. Selain itu, munculnya perkataan Shinto ini disebabkan orang-orang Cina di zaman permulaannya percaya adanya roh baik dan jahat. Roh baik dinamakan Shin. Kemudian ahli falsafah Lao-Tse membawa pengajarannya yang terkenal dengan Tao dan ia bercantum dengan Shin menjadi Shinto. Pada awalnya Shinto dikenali dengan nama Kaminomochi atau Jalan Kami. Ia juga dierangkan dengan ‘jiwa’ atau ‘roh’. Tegasnya, Shinto adalah “Jalan Tuhan”. Lihat *Shinto and Buddhism: Wheelspring of Japanese Spiritually*, <http://www.askasia.org/frclasrm/readings/000009.html,hlm1>.

²² James Murdoch, *A History of Japan*, Vol. 1, (New York: Frederick Unger Publishing Co, 1964), hlm. 100

Mengenai bahasa, tidak ada catatan yang jelas menyatakan tentang jenis bahasa yang digunakan. Namun begitu boleh dikatakan bahasa yang digunakan oleh mereka ialah proto-Japanese.²³ Ia merupakan bahasa pertama yang digunakan oleh mereka kerana pada waktu masih belum terdapat pengaruh luar atau kuasa-kuasa yang masuk ke dalam masyarakat awal Jepun. Lantaran daripada itulah tidak terdapat kemajuan kerana tiadanya percampuran dengan orang-orang luar. Dan umumnya, masyarakat Jomon adalah buta huruf dan tulisan hanya wujud selepas adanya hubungan antara Jepun dan China, khususnya dengan dinasti Tang di China. Menurut Eiichiro Ishido, hasil kahwin campur orang Jomon dan Yayoi dipercayai lahirnya bahasa Jepun hari ini yang diasaskan oleh orang Jomon.²⁴

Walau bagaimanapun, terdapat juga pendapat mengatakan bahasa Jepun kini berasal daripada bahasa *Polynesia* dan *Altaic*. Susuma Ohno berpendapat bahawa masyarakat Jomon berasal daripada bahasa Austik Selatan yang suku katanya berakhir dengan vokal dan bercampur atau bertindan dengan bahasa Altaic Utara yang dibawa oleh orang China Selatan dan Korea pada zaman Yayoi.²⁵

23 Eiichiro Ishida, (terj.) Mokhtar Ahmad, *Budaya Jepun-Kajian Tentang Asal-Usul dan Ciri*, (Kuala Lumpur: Pustaka Cipta Sdn Bhd1986), hlm.51.

24 *Ibid*, hlm.52.

25 *Ibid*, hlm. 53.

Walau apapun pandangan yang diberi yang pasti masyarakat Jomon adalah masyarakat yang buta huruf. Namun, ini tidak bermakna mereka jahil dalam membina tamadun sendiri. Ini kerana, mereka mampu berkomunikasi antara satu sama lain dan dapat menjalankan kegiatan sosial sehari-hari mereka. Dari sudut kemasyarakatan, didapati penduduk pada zaman Jomon hidup dalam satu komuniti masyarakat mereka yang tersendiri. Mereka bukan hidup secara bersendirian tetapi turut mempunyai ikatan antara satu sama lain. Buktinya cukup nyata apabila ahli arkeologi telah menemui banyak perkampungan yang dibina sebagai penempatan mereka di mana saiz keluarga mereka adalah agak besar.

Dengan kata lain, penduduk awal Jepun mempunyai penempatan sendiri. Mereka mencari kawasan selamat sebagai tempat tinggal dan terlindung daripada gangguan binatang buas atau serangan daripada pihak lain. Di situ juga terdapat kemudahan air dan makanan. Mereka mendirikan rumah panjang dengan menara kawalan dan tinggal dalam tanah yang digali sedalam 2 kaki dan 15 kaki serta mampu menampung satu keluarga seramai 4 hingga 5 orang.²⁶

26 H. Paul Varley, *Japanese Culture*, (Tokyo: Charles E. Tuttle Co. Publishers, 1991), hlm.8

Rumah dalam tanah ini dikesan sejak awal zaman Jomon dan semakin bertambah bilangan pada zaman pertengahan dan akhir Jomon. Perkara yang menarik ialah terdapat unggul api di tengah rumah mereka untuk tujuan memasak dan perlindungan daripada binatang buas. Terdapat juga bilik tidur dan tempat simpan makanan terutamanya bijiran. Ini juga satu kemajuan dalam tamadun kerana manusia tahu berjimat dan menyimpan keperluan makanan untuk masa hadapan.

Mereka juga berkongsi makanan di antara mereka. Sekiranya mereka mendapat hasil buruan, mereka akan membahagikan hasil buruan tersebut sama rata. Dengan cara ini, semua orang akan dapat merasa hasil tangkapan tersebut dan sekaligus dapat mengelakkan diri dari berlaku kebuluran.²⁷ Melalui hubungan sosial yang erat ini membuktikan mereka tidak mempunyai rasa tamak dan haloba dalam mengejar kehidupan. Sekiranya puak mereka diserang mereka akan mempertahankan puak mereka habis-habisan.

²⁷ Kubur juga didirikan berhampiran dengan rumah mereka dan terdapat juga tumbuhan berupa pokok bunga. Kubur masyarakat Jomon adalah amat kecil. Ia merupakan lubang di mana mayat ditelan dalam keadaan dibengkok dan dihempap batu. Ini menunjukkan orang Jomon telah mempunyai pengetahuan dan tamadun dalam mengbumikan mayat sekurang-kurangnya mereka tahu menghormati orang yang telah meninggal dunia. Keadaan kubur yang ringkas dan hampir serupa menunjukkan masyarakat Jomon adalah masyarakat tanpa kelas dan tiada perbezaan yang ketara antara anggota masyarakat.

Melalui jumpaan tengkorak orang-orang Jomon telah menunjukkan mereka hidup dalam keadaan yang baik. Oleh itu, walaupun mereka dikatakan sebagai satu masyarakat awal yang tidak bertamadun dan hidup dalam keadaan yang tidak terurus, tetapi mereka telah mampu untuk mencipta satu kehidupan mereka yang tersendiri dan sempurna bagi pandangan pada zaman awal tersebut.

1.4 Kehidupan Tradisi Orang Jepun

Aspek sosial yang ditekankan pada zaman awal Jepun ialah dari segi kepercayaan, keagamaan, nilai-nilai murni, tradisi, kekeluargaan dan juga corak pembahagian taraf sosial dalam pemerintahan. Keluarga adalah merupakan mekanisme utama yang dibentuk oleh tradisi masyarakat Jepun. Kekuatan tradisi dan kekeluargaan ini menjadi asas kepada masyarakat Jepun semenjak zaman Jomon sehingga sekarang.

Pada peringkat awal, aspek sosial jelas terbentuk melalui amalan penanaman padi. Ini kerana keluarga dan masyarakat bekerjasama dan saling bergantungan di antara satu sama lain bagi memanfaatkan sumber air yang terhad untuk tanaman padi mereka. Hasilnya terbentuklah satu bentuk kehidupan secara berkumpulan dan perhubungan yang berasaskan umur. Kedudukan sosial dikawal ketat di dalam kumpulan dan kesetiaan serta perasaan sebagai ahli sesuatu kumpulan sangat ditekankan.

Oleh sebab itu, aspek sosial banyak mempengaruhi pemerintahan pada zaman Tokugawa. Ini jelas dapat dilihat melalui pembahagian ketat terhadap kelas-kelas sosial dalam masyarakat Jepun. Golongan bangsawan diberi keutamaan dalam segala hal.²⁸ Rakyat tidak mempunyai kuasa untuk menyuarakan pendapat. Walaupun begitu, aspek sosial pada zaman seperti Yayoi, Nara, Heian, Kamakura dan Ashikaga tidak dinafikan banyak juga menyumbang kepada perkembangan peradaban Jepun.

Di Jepun telah banyak kajian dijalankan tentang budaya Jepun dan ciri-cirinya yang tersendiri. Di dalam buku *Kokumin-sei jukko* (sepuluh syarahan tentang watak nasional) yang dihasilkan oleh Yaichi Haga pada tahun 1907, menerangkan ciri-ciri orang Jepun, antaranya ialah:²⁹

- i. Taat setia kepada ketua dan cinta akan tanah air
- ii. Menyanjungi nenek moyang dan menghormati nama keluarga.
- iii. Bersifat realistik dan bersemangat duniawi.
- iv. Sayang akan tumbuh-tumbuhan dan bunga dan gemar akan alam semulajadi.

28. Yasusuki Murakami, Yutaka Kosai, (terj.) Mokhtar Ahmad, *Jepun Dalam Komuniti Sejagat*, (Kuala Lumpur: Yayasan Penataran Ilmu, 1988), hlm. 20-22.

29 Enchiro Ishida, *Ibid*, hlm. 55.

- v. Perangai yang ria dan gemar berseloroh.
- vi. Sifat ringkas dan kemas
- vii. Sifat segak dan asli
- viii. Cinta akan kebersihan dan kesucian
- ix. Patuh akan istiadat dan budi pekerti
- x. Sifat baik hati dan murah hati

Selain sifat semangat berkumpulan, terdapat satu lagi sifat tersendiri orang Jepun hasil budaya yang dicirikan oleh penanaman padi sawah iaitu mewujudkan tradisi seperti sikap menabung, jimat cermat, kerja kuat dan memberi penekanan kepada kepuasan rohaniah mengatasi kekayaan kebendaan. Faktor inilah merupakan asas pembentukan budaya Jepun.³⁰

Selain itu, orang Jepun juga cenderung membuat keputusan atau tindakan berdasarkan apa yang orang lain akan fikir dan bukan berdasarkan kepercayaan dan idea sendiri. Dalam menghadapi masalah yang memerlukan penyelesaian lojik sekalipun, tindakan cenderung ditentukan oleh pertimbangan tentang sama ada orang lain sedang memerhati atau sama ada seseorang itu akan terdedah pada cemuhan.

⁵⁰ Azhar Mad Aros, *et al. Titas Kertas 2*, (Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn Bhd, 2002), hlm.297.

Cara pemikiran ini telah membawa kepada pengelasan orang dalam dan orang luar. Kedua-dua kelas ini diberi layanan yang berbeza, disapa dengan cara yang berbeza dan diberi nilai kasih sayang yang berbeza. Di sinilah berlakunya konflik antara giri (kewajipan) dan ninjo (perasaan manusia) yang hanya dikaitkan dengan orang dalam dan tidak langsung pada orang luar.³¹ Maksud “orang dalam” merujuk kepada keluarga, saudara terdekat, sama tempat asal, rakan, orang yang mempunyai minat yang sama, individu yang menjalankan jenis perniagaan yang sama dari kumpulan lain.

Pada keseluruhannya orang Jepun menganggap diri mereka sebagai “orang dalam” dan negara-negara lain sebagai orang luar. Ini seringkali mengakibatkan kelakuan yang menghalang mereka daripada benar-benar menerima orang bukan Jepun. Oleh sebab itu, orang Jepun tidak selalu mendedahkan pendapat mereka apabila bercakap dengan orang luar daripada kumpulan khusus mereka.

Budaya Jepun yang tersendiri adalah hasil daripada tradisi sejarah Jepun dan juga daripada suasana iklim dan alamnya yang luar biasa. Pertama; alam sekitar semulajadi gugusan pulau-pulau Jepun sangat sesuai dengan kemunculan sebuah masyarakat yang berpusatkan pertanian padi yang di dalamnya kepimpinan yang kuat tidak begitu penting.

³¹ Alfred Hickling, People, *The Star*, Disember 13, 2001, hlm. 11-12.

Dengan kata lain, ‘penanaman padi’ dalam masyarakat Jepun telah menghasilkan sikap bergantung kepada kerja bergotong royong, maka sebab itulah orang Jepun sejak dahulu kala lagi lebih cenderung kepada konsep egalitarian atau konsep sama rata daripada konsep kepimpinan yang kuat.³² Oleh sebab masyarakat tradisional ini dicirikan oleh konsep pergantungan yang kuat kepada kelompok atau kumpulan, maka setiap orang Jepun sangat mengambil berat tentang nama baik mereka di dalam kelompok itu.

Bagi orang Jepun, menerima dan mengakui hakikat adanya pandangan susila bangsa dunia yang berbeza-beza itu sendiri, bukanlah suatu hal yang luar biasa kepada mereka. Sikap yang seperti ini, sebahagiannya adalah disebabkan oleh kecenderungan masyarakat Jepun yang tradisional yang tidak mempunyai gagasan yang mutlak tentang yang betul dan yang salah.³³

Walau bagaimanapun, memang tidak dapat dinafikan bahawa untuk menerima pandangan tatasusila yang berbeza itu adalah amat sukar bagi mana-mana bangsa pun. Orang Eropah misalnya dapat menerima konsep beragama hanya selepas beratus-ratus tahun mengalami perang agama.

32 Ibid, hlm. 12.

33 Christina , *The Star*, Disember 13, 2001, hlm.10.

Di negara seperti Jepun yang merupakan sebuah ‘pulau’, didapati pengiktirafan mereka terhadap keanekaan tatasusila mungkin memakan masa yang lama. Walau bagaimanapun, kejayaan Jepun dalam konsep pengantarabangsaannya sangat bergantung kepada kejayaannya untuk mengiktiraf dan memahami beraneka jenis nilai budaya negara-negara dunia yang lain.³⁴

Kewujudan rangkaian maklumat bersama di seluruh negara, yang dipermudahkan lagi oleh kedudukan Jepun yang terpencil sebagai sebuah pulau, merupakan ciri yang sangat penting bagi menjelaskan banyak di antara ciri budaya Jepun. Sebagai contohnya, rangkaian memupuk sejenis perhubungan manusia yang tidak bergantung penjelasan yang terperinci untuk menyampaikan sesuatu maksud.

Hal ini berkaitan dengan cara orang Jepun memahami tingkah laku manusia yang berdasarkan konsep keduaan honne (maksud sebenar) dan tatemae (sikap rasmi). Satu lagi contoh pengaruh rangkaian ini adalah keadaan penilaian kontrakiunal yang tidak berapa maju di Jepun. Selain itu, sikap orang Jepun yang sangat memberi perhatian kepada butir dan perincian itu dan pola membuat keputusan yan berdasarkan ‘dari bawah ke atas’ itu adalah muncul daripada rangkaian maklumat bersama ini dan diperkuuhkan oleh konsep egalitarian yang tradisional.

³⁴ Yasusuki Murakami, *Ibid*, hlm. 23.

Adat yang memberi perhatian kepada butir dan perincian ini adalah berpunca kepada pengiktirafan tradisional terhadap sumbangan setiap anggota kelompok yang sama-sama bekerja. Apabila sudah menjadi kelaziman kepada pihak atasan untuk memberkan pihak bawahan membuat kebanyakan keputusan, maka lebih banyaklah perhatian yang ditumpukan kepada buah fikiran orang-orang yang mengurus butir-atau perincian sesuatu projek itu tetapi bukannya kepada buah fikiran pihak atasan yang menjaga seluruh projek.³⁵

Ketiga, penekanan orang Jepun terhadap konsep bertekun dan berjimat cermat adalah lahir daripada ekonomi kelangkaan sumber pada penghujung abad ketujuh belas. Oleh sebab itu, terbentuk suatu falsafah yang menekankan kebaikan moral bagi orang yang bekerja kuat, maka rakyat Jepun sanggup bekerja bertungkus lumus tanpa mengharapkan apa-apa ganjaran. Penekanan yang diberikan kepada pengajian dan pembelajaran, yang dilambangkan oleh kecemerlangan orang Jepun dalam pendidikan besar-besaran dari zaman Meiji dan seterusnya itu, mempunyai titik sejarah serupa juga.

35 *Ibid*, hlm. 24.

Keempat, kedudukan alam Jepun yang terpencil dan terpulau, tetapi tidak begitu jauh dari benua Asia itu membolehkannya membuat saling pertukaran dengan tamadun yang lebih maju. Kedudukan alamnya membolehkan Jepun memasukkan budaya dan teknologi asing tanpa membenarkan intelek dan politiknya dikuasai oleh kuasa-kuasa asing. Dengan yang demikian, orang Jepun telah menjadi ‘pelajar yang mahir’ yang membawa maksud apa-apa yang menguntungkan sahaja.³⁶

³⁶ *Ibid*, hlm. 25